

LJT 6 Jld. 7/(65)

29 November 2004 (Berkuatkuasa 29/11/06)

Semua Juruukur Tanah Berlesen.

Yang Berbahgia Dato'/Tuan/Puan,

**SUBSIDI LEMBAGA JURUKUR TANAH BAGI BUKU KERJALUAR,
BAHAN PELAN AKUI DAN BATU SEMPADAN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Tanah (Lembaga) dalam mesyuarat ke 340 telah melahirkan kebimbangan ke atas berlakunya tunggakan kerja ukur yang tinggi dikalangan sebilangan Juruukur Tanah Berlesen (JTB). Sesetengah kerja ukur berkenaan telah menjangkau masa melebihi 5 tahun dari tarikh nombor lot dikeluarkan oleh JUPEM walaupun pada umumnya pelan akui seharusnya dikemukakan kepada JUPEM dalam tempoh 6 bulan dari tarikh nombor lot dikeluarkan seperti yang ditetapkan dalam peraturan. Terdapat pihak yang telah pun meletakkan JTB sebagai salah satu punca kelewatan pengeluaran hakmilik kekal.

2. Lembaga dalam usahanya meningkatkan tahap profesionalisma JTB telah menyediakan kemudahan dan insentif dalam berbagai bentuk. Antaranya adalah pemberian insentif dalam bentuk subsidi oleh Lembaga kepada JTB bagi perbelanjaan ke atas buku kerjalar, bahan pelan akui dan batu sempadan yang digunakan bagi setiap kerja ukur apabila membuat bayaran akhir. Amalan ini telah berjalan sejak tahun 1986 lagi dengan berkuatkuasanya Pekeliling LJT 1/86.

3. Sehubungan dengan itu, bagi menggalakkan JTB menyelesaikan kerja-kerja ukur yang tertunggak, Lembaga memutuskan hanya akan memberi insentif berkenaan bagi kerja ukur yang mana pelan akunya dikemukakan kepada JUPEM dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pengeluaran nombor lot.

4. Bagi memberi peluang kepada JTB yang berkenaan menyelesaikan semua kerja-kerja tertunggak yang mana telah melebihi 5 tahun dari tarikh pengeluaran nombor lot, keputusan mengenai pemberian insentif ini akan dikuatkuasakan dua (2) tahun dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.



(SHAHABUDDIN BIN IBRAHIM)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah
Semenanjung Malaysia

s.k.

1. Y. Berbahgia Dato' Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Semenanjung Malaysia
2. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
3. Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
4. Presiden
Persekutuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia.